

PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN BERPUSATKAN
KANAK-KANAK DALAM KALANGAN
GURU TABIKA KEMAS DI ZON
SELATAN

SYLVESTER RONNY ANAK PULENE

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

**PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERPUSATKAN
KANAK-KANAK DALAM KALANGAN GURU TABIKA KEMAS DI ZON
SELATAN**

SYLVESTER RONNY ANAK PULENE

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي فديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 19 Mei 2021

Student' Declaration:

Saya, SYLVESTER RONNY ANAK PULENE, M20162002275 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERPUSATKAN KANAK-KANAK DALAM KALANGAN GURU TABIKA KEMAS DI ZON SELATAN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya PROF. MADYA DR. NORDIN BIN MAMAT dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERPUSATKAN KANAK-KANAK DALAM KALANGAN GURU TABIKA KEMAS DI ZON SELATAN dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK).

Prof. Madya Dr. Nordin Mamat
Pegawai Kanan
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

3/6/2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنورسیتی فندیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
BERPUSATKAN KANAK-KANAK DALAM KALANGAN GURU TABIKA
KEMAS DI ZON SELATAN

No. Matrik / Matric's No.: M20162002275

Saya / I: SYLVESTER RONNY ANAK PULENE

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
 - i. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
 2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
 - ii. *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
 3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
 - iii. *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
 4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
 - iv. *The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.*
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Prof. Madya Dr. Nordin Mamat
Pesyarah Kanan
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 3/6/2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana atas kurnia dan rahmat-Nya, akhirnya saya dapat menyiapkan kajian ini. Setinggi penghargaan diberikan kepada pihak National Child Development Research Centre (NCDRC) UPSI kerana telah membenarkan saya menggunakan data kajian Projek 3: Menentukan Faktor Sumbangan Kualiti Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia untuk menyiapkan kajian ini. Selain itu, ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada Professor Madya Dr. Nordin bin Mamat dan Dr. Nor Mashitah binti Radzi selaku penyelia saya dan banyak membantu dalam memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada pihak yang terlibat dalam kajian ini, khususnya pihak tabika Kemas di zon selatan yang menjadi peserta kajian ini kerana sudi menjadi pembekal maklumat sepanjang kajian ini dilaksanakan. Dengan adanya kerjasama dan sokongan yang diberikan, akhirnya kajian ini dapat diselesaikan dan diterjemahkan dalam tesis ini. Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia UPSI, yang telah banyak berkongsi dan mencurahkan ilmu serta memberikan galakan kepada saya untuk meneruskan kajian ini.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada ayahanda Encik Pulene anak Memuas, ibunda Puan Edut anak Udam dan ahli keluarga saya yang lain yang tidak pernah jemu-jemu mendoakan dan memberikan dorongan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Jutaan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan bantuan serta berkongsi idea sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Akhir kata, semoga ilmu yang diperoleh sepanjang pengajian ini diberkati oleh Tuhan dan dapat dikongsikan bersama demi manfaat semua.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berpusatkan kanak-kanak dalam kalangan guru Tabika Kemas di Zon Selatan. Kajian ini memberi fokus terhadap tiga aspek utama iaitu kaedah PdP berpusatkan kanak-kanak, pendekatan PdP berpusatkan kanak-kanak dan Alat Bantu Mengajar (ABM) yang digunakan dalam PdP berpusatkan kanak-kanak. Peserta kajian terdiri daripada lima orang guru Tabika Kemas yang mengajar di sekitar zon selatan. Pemilihan peserta kajian dipilih secara bertujuan. Kajian ini berbentuk kualitatif, pengumpulan data dilakukan melalui temu bual. Data dianalisis secara deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk naratif. Hasil kajian mendapati, guru Tabika Kemas di zon Selatan sering menggunakan dua kaedah PdP semasa melaksanakan PdP berpusatkan kanak-kanak. Antara kaedah PdP adalah kaedah pembelajaran kolaborasi dan kaedah pembelajaran hand on. Manakala aspek pendekatan PdP pula, guru Tabika Kemas sering melaksanakan tiga jenis pendekatan iaitu pendekatan bermain sambil belajar, pendekatan bertema, dan pendekatan projek. Seterusnya, dapatan menunjukkan tiga bentuk ABM yang sering digunakan oleh guru Tabika Kemas dalam pelaksanaan PdP berpusatkan kanak-kanak iaitu ABM berbentuk elektronik, ABM berbentuk bukan elektronik dan ABM berbentuk bahan maujud. Kesimpulannya, pelaksanaan PdP terutamanya dari aspek kaedah PdP, Pendekatan PdP dan penggunaan ABM berpusatkan kanak-kanak mempengaruhi pelaksanaan PdP yang menyeronokkan kanak-kanak. Namun, implikasi kepada pembinaan minda kanak-kanak melalui pelaksanaan PdP berpusatkan kanak-kanak dengan penggunaan kaedah, pendekatan PdP dan penggunaan ABM yang sesuai masih perlu diperbaiki bagi menarik minat kanak-kanak. Cadangan kajian turut dikemukakan bagi mengalakkan lebih ramai penyelidik melakukan kajian berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak terutamanya pada peringkat tadika dengan mengambil kira aspek-aspek lain seperti keberkesanan PdP berpusatkan kanak-kanak.



IMPLEMENTATION OF TEACHING USING CHILD CENTERED LEARNING APPROACH AMONG PRESCHOOL TEACHERS IN SOUTH ZONE

ABSTRACT

This study was carried out in order to look at the implementation of child-centred approach among preschool teachers in south zone. The study focuses on three main aspects: the child-centred method in teaching and learning, the child-centred approach in teaching and learning, and the Teaching aids used in the child-centred in teaching and learning. Five kindergarten teachers teaching in the southern zone were chosen as the participants of this study by using purposive sampling techniques. Interview were used as the techniques in data collection. The collected data were descriptively analysed and presented in a narrative form. The results of the study showed that the kindergarten teachers in the South Zone often use two methods of teaching and learning when implementing child-centred. Among these are collaborative learning methods and hand on learning methods. Whereas from the approach, the analysis found that kindergarten teachers often implemented three types of approaches, namely play learning, themed approach, and project approach. Further, the results of the analysis related to the use of teaching aids have found that three types of teaching aids are often used by the kindergarten teachers in implementing child-centred in teaching and learning. The teaching aids is electronic, non-electronic and real material. The most commonly used electronic form of teaching aids is laptops and projectors. Next, the most commonly used non-electronic teaching aids is a picture card and teachers use real material as teaching aids. Implications and suggestions of the study were also introduced to encourage more researchers to conduct research related to the implementation of child-centred teaching and learning, especially at the kindergarten level.

KANDUNGAN

Muka Surat

BORANG PENGAKUAN KEASLIAN	ii
----------------------------------	----

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
---	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xii
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xiii
----------------------	------

SENARAI SINGKATAN	xiv
--------------------------	-----

BAB 1	PENDAHULUAN	1
--------------	--------------------	---

1.1	Pengenalan	1
-----	------------	---

1.2	Latar Belakang Kajian	1
-----	-----------------------	---

1.3	Penyataan Masalah	3
-----	-------------------	---

1.4	Tujuan Kajian	6
-----	---------------	---

1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Persoalan Kajian	7
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	8
1.8	Definisi Istilah	9
1.8.1	Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Kanak-Kanak	9
1.8.2	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	9
1.8.3	Pendekatan	10
1.8.4	Alat Bantu Mengajar	11
1.8.5	Guru	11
1.8.6	Kanak-Kanak	12
1.8.7	TABIKA	12
1.9	Batasan Kajian	13
1.10	Kepentingan Kajian	14
1.11	Rumusan	15
BAB 2	TINJAUAN ITERATUR	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Kepentingan Pengajaran Dan Pembelajaran Berpusatkan Kanak-Kanak	18
2.3	Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Berpusatkan Kanak-Kanak	20

2.4	Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran Berpusatkan Kanak-Kanak	22
2.5	Alat Bantu Mengajar	24
2.6	Teori Konstruktivisme (1952)	26
2.7	Model Pengajaran Berpusatkan Pelajar Burden Dan Byrd (2003)	28
2.8	Kajian Lepas Di Dalam Dan Di Luar Negara	30
2.8.1	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	30
2.8.2	Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran	34
2.8.3	Jenis Alat Bantu Mengajar	39
2.9	Rumusan	43

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 44

3.1	Pendahuluan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Kajian Pelbagai Kes (<i>Multicase</i>)	45
3.4	Persampelan	46
3.4.1	Sampel Kajian	47
3.4.2	Latar Belakang Sampel Kajian	48
3.4.2.1	Guru TABIKA KEMAS 1 (GTK 1)	49
3.4.2.2	Guru TABIKA KEMAS 2 (GTK 2)	49

3.4.2.3	Guru TABIKA KEMAS 3 (GTK 3)	50
3.4.2.4	Guru TABIKA KEMAS 4 (GTK 4)	51
3.4.2.5	Guru TABIKA KEMAS 5 (GTK 5)	52
3.4.3	Pemilihan Sampel	55
3.5	Instrumen Kajian	55
3.6	Etika Kajian	61
3.7	Kebolehpercayaan	63
3.8	Kesahan	65
3.8.1	Persetujuan Peserta Kajian	66
3.8.2	Penelitian Rakan Sebaya	67
3.8.3	Penerangan yang Jelas dan Terperinci	68
3.9	Teknik Pengutipan Data	68
3.10	Prosedur Penganalisan Data	70
3.11	Rumusan	71
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	72
4.1	Pendahuluan	72
4.2	Analisis Dapatan Kajian	73
4.2.1	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	73
4.2.2	Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran	79

4.2.3	Jenis Alat Bantu Mengajar	89
4.3	Rumusan	98
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	100
5.1	Pendahuluan	100
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	101
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	113
5.4	Sumbangan Kajian	117
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	119
5.6	Rumusan	121
	RUJUKAN	122
	LAMPIRAN	129



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Ringkasan Latar Belakang Guru TABIKA KEMAS	54
3.2	Langkah-Langkah Pemilihan Sampel Kajian	55
3.3	Maklumat Pakar Pengesahan Instrumen	57
3.4	Pencapaian Kesahan Instrumen Soalan Temubual Pakar A	58
3.5	Pencapaian Kesahan Instrumen Soalan Temubual Pakar B	59
3.6	Pencapaian Kesahan Instrumen Soalan Temubual Pakar C	60
3.7	Rumusan Kajian Rintis	64



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	8
3.1	Proses Pengumpulan Data	69

SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
GTK	Guru Tabika Kemas
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JNJK	Jemaah Nasir dan Jaminan Kualiti
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
NCDRC	National Child Development Research Centre
PAKK	Pendidikan Awal Kanak-Kanak
PBM	Pendekatan Berasaskan Masalah
PBP	Pendekatan Berasaskan Projek
PBSB	Pendekatan Bermain Sambil Belajar
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
TABIKA	Taman Bimbingan Kanak-Kanak
TADIKK	Taman Didikan Kanak-Kanak

SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol Temu Bual
- B Surat Pengesahan Pakar Kadungan Instrumen
- C Transkrip Temu Bual
- D Surat Pengesahan Menjalankan Penyelidikan
- E Surat Lantikan Sebagai Ahli Dalam Projek 3



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang kajian yang dijalankan iaitu pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berpusatkan kanak-kanak di kalangan guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan. Dalam bab satu, antara aspek-aspek yang diterangkan adalah merangkumi latar belakang kajian, penyata masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori, kerangka konseptual, definisi istilah, batasan kajian, kepentingan kajian dan akhir sekali rumusan bagi bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Akta Pendidikan 1996 telah memasukkan Pendidikan Awak Kanak-Kanak (PAKK) ke dalam sistem pendidikan dan secara tidak langsung menjadikannya sebagai salah satu pendidikan formal kepada kanak-kanak. Selaras dengan cabaran pendidikan global,





program PAKK terus menjadi perhatian oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui salah satu daripada *sub-National Key Result Area* (NKRA). KPM sentiasa menitik beratkan bidang pendidikan kerana pendidikan yang bertaraf dunia merupakan salah satu wacana di dalam dasar pendidikan negara kita.

Selain itu, mutu pendidikan sedikit sebanyak bergantung kepada kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan oleh guru di dalam bilik darjah. Melihat betapa pentingnya PdP dapat mempengaruhi keberkesanan aktiviti pembelajaran yang dijalankan maka KPM melalui Bahagian Perkembangan Kurikulum telah memasukkan strategi PdP berpusatkan kanak-kanak di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) 2017 untuk menggantikan PdP tradisional yang lebih berpusatkan kepada guru. Menurut Nurul Samsudin, Puteri Wahid dan Azimah Bukhari (2019), pembelajaran berpusatkan kanak-kanak memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran mereka.

Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak bukan sahaja membantu kanak-kanak dari segi pemahaman, malahan ianya juga dapat membantu kanak-kanak untuk lebih mudah mengingat apa yang telah dipelajari. Semasa melaksanakan PdP berpusatkan kanak-kanak, guru akan memberikan tugas tertentu kepada kanak-kanak sama ada dalam bentuk kumpulan mahupun individu. Pelbagai kaedah dan pendekatan PdP yang boleh dilaksanakan oleh guru untuk menarik minat kanak-kanak terlibat aktif di dalam aktiviti PdP. Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan merupakan aktiviti PdP yang dapat membentuk kemenjadian kanak-kanak. Oleh sebab itu, pelaksanaan PdP berpusatkan kanak-kanak perlu diberikan perhatian sepenuhnya dan harus difahami oleh guru Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKAN) agar ianya mudah dilaksanakan dan akan sentiasa diamalkan oleh guru TADIKAN.





Secara umumnya, di negara kita terdapat pelbagai agensi yang telah menubuhkan institusi PAKK sama ada ditubuhkan oleh agensi kerajaan, agensi swasta mahupun persendirian. Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) KEMAS merupakan salah satu institusi PAKK yang ditubuhkan oleh agensi kerajaan dan

dikelola oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JKM) di bawah naungan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Guru TABIKA KEMAS juga tidak ketinggalan untuk bersama-sama beranjak ke paradigma baru terutamanya dari aspek kaedah PdP, pendekatan PdP dan penggunaan ABM semasa mengajar. Oleh itu, kajian ini meneroka tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak dalam kalangan guru TABIKA KEMAS dengan memberikan tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu kaedah PdP, pendekatan PdP dan penggunaan ABM semasa guru mengajar.



1.3 Penyataan Masalah

Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak menjadi tumpuan dalam arena pendidikan TADIKA untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada setiap orang kanak-kanak. Profesion perguruan merupakan profesion yang sangat mencabar lantaran tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh guru begitu berat untuk mencurahkan ilmu pengetahuan kepada kanak-kanak sebagai pelapis generasi pada masa akan datang. Di negara kita, pelaksanaan PdP dalam kalangan guru TADIKA turut menjadi topik kajian yang sedang hangat dijalankan. Kajian berkaitan dengan PdP dalam kalangan guru





TADIKAs perlu dilaksanakan agar dapat mencapai hasrat serta impian Negara menjadikan industri pendidikan mempunyai tahap kualiti yang sama tinggi dengan negara maju yang lain di arena antarabangsa khususnya dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Oleh itu, untuk mencapai hasrat Negara menjadi sebuah Negara yang lebih maju dari sudut pendidikan maka perubahan dalam program PAKK terutamanya dari aspek PdP memerlukan perubahan yang lebih drastik daripada pelaksanaan PdP bersifat konvensional kepada pelaksanaan PdP yang lebih bersifat berpusatkan kanak-kanak. Kebanyakan guru TADIKAs masih lagi sukar untuk beralih daripada kaedah PdP secara tradisional iaitu PdP yang lebih berpusatkan guru kepada kaedah PdP yang lebih berpusatkan kanak-kanak. Kaedah PdP yang berpusatkan guru menyebabkan kanak-kanak kurang melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti PdP. Pelaksanaan PdP yang lebih bersifat berpusatkan guru turut di dapati dalam hasil Laporan Pemeriksaan Kebangsaan Khas Pendidikan Prasekolah pada 2013 oleh Jemaah Nasir dan Jaminan Kualiti (JNJK) yang telah mendapati masih terdapat di kalangan guru TADIKAs mengaplikasikan kaedah PdP berpusatkan guru dan kurang melaksanakan kaedah PdP berpusatkan kanak-kanak. Kebanyakan guru TADIKAs lebih selesa menggunakan kaedah tradisional di mana guru mengajar dan kemudiannya memberikan latihan, lembaran kerja atau buku kepada kanak-kanak (Norshafinaz & Faridah, 2018). Penggunaan kaedah yang bersesuaian dengan dengan topik yang hendak dipelajari adalah amat penting dalam proses PdP. Hal ini kerana ianya dapat membantu guru untuk menarik minat kanak-kanak terlibat secara aktif di dalam aktiviti PdP yang dijalankan.

Seterusnya, guru TADIKAs juga kurang mengaplikasikan pendekatan PdP berpusatkan kanak-kanak. Pelbagai pendekatan PdP berpusatkan kanak-kanak yang





boleh diaplikasikan oleh guru semasa mengajar. Contohnya, pendekatan bermain sambil belajar merupakan salah satu daripada pendekatan PdP berpusatkan kanak-kanak. Namun demikian, masih terdapat lagi guru TADIKA tidak mengaplikasikan

pendekatan bermain ini di dalam PdP mereka (Saayah binti Abu, 2015). Selain itu, terdapat sebahagian daripada guru TADIKA mengetahui tentang kepentingan pendekatan PdP berpusatkan kanak-kanak tetapi mereka jarang melaksanakannya (Aliza Ali, Sharifah Puteh & Zamri Mahamod, 2018). Oleh itu, guru-guru TADIKA perlu mengamalkan PdP yang berpusatkan kanak-kanak.

Semasa melaksanakan PdP yang berpusatkan kanak-kanak, guru juga perlu kreatif memilih Alat Bantu Mengajar (ABM) yang sesuai untuk mewujudkan suasana PdP yang efektif. Secara umumnya, ABM boleh dikategorikan kepada tiga jenis iaitu ABM berbentuk elektronik, bukan elektronik dan ABM berbentuk bahan maujud. Antara ABM berbentuk elektronik iaitu seperti radio, projektor, televisyen, video dan alat yang berbantuan komputer. Manakala majalah, model, kad imbasan, jurnal dan gambar yang berkaitan dengan PdP merupakan ABM jenis bukan elektronik (Musa & Mohamad, 2014). ABM yang berbentuk bahan maujud merupakan bahan sebenar yang digunakan oleh guru sebagai ABM. Misalnya, menggunakan buah-buahan yang sebenar untuk mengajar kanak-kanak berkaitan dengan topik buah-buahan. Penggunaan ABM dalam proses PdP adalah untuk membantu dan memudahkan guru untuk menyampaikan isi pengajaran kepada kanak-kanak. Namun demikian, meskipun pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan kemahiran pengajaran guru dalam menggunakan ABM tetapi masih lagi terdapat guru-guru TADIKA yang kurang kreatif menggunakan ABM. Malahan guru juga tidak menggunakan ABM untuk menarik minat kanak-kanak dalam pelajaran dan kanak-kanak berasa bosan kerana guru





seringkali bertanya soalan yang sama tanpa menggunakan apa-apa bahan bantuan yang boleh menarik minat kanak-kanak terhadap aktiviti PdP tersebut (Norsita Ali & Zainal Madon, 2014).

Oleh itu, kajian ini penting dilaksanakan untuk memberikan pendedahan kepada guru-guru TADIKA khususnya kepada lima orang guru TABIKA KEMAS yang terlibat dalam kajian ini tentang aspek yang perlu diberikan perhatian semasa melaksanakan PdP berpusatkan kanak-kanak. Ketiga-tiga aspek tersebut seperti kaedah PdP, pendekatan PdP dan ABM yang digunakan memainkan peranan yang sangat penting untuk membantu guru di dalam PdP supaya kanak-kanak lebih cepat memahami tentang sesuatu topik yang dipelajari.



1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meneroka pelaksanaan PdP berpusatkan kanak-kanak di kalangan guru-guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan. Justeru, kajian ini memberi tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu kaedah PdP, pendekatan PdP serta jenis Alat Bantu Mengajar (ABM) yang digunakan oleh guru-guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan dalam melaksanakan PdP berpusatkan kanak-kanak.





1.5 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif kajian yang mendasari kajian ini. Objektif-objektif kajian tersebut adalah:

- i. Menenalpasti kaedah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak yang dilaksanakan oleh guru-guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan.
- ii. Meneroka pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak yang dilaksanakan oleh guru-guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan.
- iii. Meneroka jenis alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan dalam pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan kanak-kanak.




1.6 Persoalan Kajian

- i. Apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak yang dilaksanakan oleh guru-guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan?
- ii. Apakah pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak yang dilaksanakan oleh guru-guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan?
- iii. Apakah Jenis Alat Bantu Mengajar yang digunakan oleh guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan semasa melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak?



1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kerangka konseptual kajian seperti di dalam rajah 1.1 di bawah menerangkan secara ringkas tentang kajian ini. Kajian ini dijalankan terhadap lima orang guru TABIKA KEMAS yang mengajar di sekitar zon selatan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang pelaksanaan PdP berpusatkan kanak-kanak. Secara khususnya, kajian ini memberikan tumpuan kepada tiga aspek di dalam pelaksanaan PdP berpusatkan kanak-kanak. Antara aspek-aspek yang dikaji adalah berkaitan dengan kaedah PdP, pendekatan PdP, dan penggunaan ABM dalam kalangan guru TABIKA KEMAS. Teori konstruktivisme Piaget (1953) dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



1.8 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah dalam kajian yang boleh menjelaskan atau menerangkan maksud tertentu dan hanya benar dalam skop kajian ini sahaja. Oleh itu, ia didefinisikan dengan jelas dan teliti. Istilah-istilah yang digunakan ini diterangkan secara terperinci dalam penerangan di bawah.

1.8.1 Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Kanak-Kanak

Menurut Hamdan Noor (2004), pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak merupakan sebarang suasana pembelajaran yang efektif dari segi perancangan dan penilaian yang berfokus kepada kanak-kanak dan hasil pembelajaran yang diperlukan oleh kanak-kanak. Dalam kajian ini, pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak adalah merujuk kepada strategi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan dari aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran, pendekatan pengajaran dan pembelajaran dan penggunaan ABM di dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.8.2 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

Kaedah pengajaran dan pembelajaran merupakan jambatan yang menyambungkan antara dua rukun yang sebelumnya dan menyebabkan berlakunya proses pembelajaran (Noor Hisham Nawawi, 2011). Antara kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah





misalnya kaedah kumpulan, kaedah simulasi, kaedah bercerita, kaedah soal jawab, kaedah menyalin, dan kaedah naratif. Dalam kajian ini, kaedah PdP adalah merujuk kepada cara guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan melaksanakan PdP yang berpusatkan kanak-kanak bagi mendorong semua kanak-kanak terlibat di dalam aktiviti PdP.

1.8.3 Pendekatan

Menurut Mohd Razak Mohd Nordin dan Masitah Ahmad (2015), pendekatan membawa maksud arah atau hala tuju yang kita ambil untuk menuju sesuatu sasaran. Dalam pengertian yang lebih luas, pendekatan boleh diertikan sebagai “*to come near to in any sense*” atau jalan yang diambil untuk melakukan sesuatu. Manakala menurut Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Faridah Binti Che Husain (2008) menyatakan

pendekatan bermaksud sebagai suatu cara yang diterjemahkan atau diikuti serta diaplikasikan oleh seseorang guru dalam menyampaikan isi pengajaran supaya subjek yang diajar mencapai matlamat atau objektif yang telah ditetapkan oleh KPM. Pendekatan pengajaran yang sesuai boleh membantu melahirkan pelajar yang peka dan kritis terhadap ilmu yang diperolehi seterusnya mampu melahirkan pelajar yang seimbang dari semua aspek kehidupan. Dalam kajian ini, pendekatan PdP merujuk kepada haluan yang digunakan oleh guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan dalam menyampaikan sesuatu isi pengajaran kepada kanak-kanak dengan menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran.





1.8.4 Alat Bantu Mengajar

Penggunaan alat bantu mengajar adalah penting kerana dapat membantu guru untuk menyampaikan isi pengajaran kepada kanak-kanak supaya kanak-kanak mudah untuk memahami tentang topik yang dipelajari. Menurut Mohsen Zolghadir Nasab, Reza Esmaeili dan Hamzah Nazari Sarem (2015) ABM merupakan apa sahaja alat pengajaran dan pembelajaran untuk membantu meningkatkan pendidikan. Alat bantu mengajar adalah seperti media cetak, komputer, imej, televisyen dan media lain yang digunakan di dalam PdP dan dapat mempengaruhi keberkesanan pembelajaran. Dalam kajian ini, ABM adalah merujuk kepada jenis ABM yang digunakan oleh guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan semasa melaksanakan PdP berpusatkan kanak-kanak sama ada menggunakan ABM berbentuk elektronik, bukan elektronik atau menggunakan ABM berbentuk bahan maujud.



1.8.5 Guru

Menurut kajian Harun (2014), guru merupakan golongan yang berperanan memberi ajaran dan bimbingan kepada golongan yang perlu diajar dan dididik. Guru merupakan golongan yang memiliki ilmu dan kemahiran serta diberi tanggungjawab untuk menyampaikan ilmu dan pendidikan kepada masyarakat. Dalam kajian ini guru merujuk kepada guru TABIKA KEMAS seramai lima orang yang mengajar di sekitar Zon Selatan iaitu dua orang guru TABIKA KEMAS dari Negeri Melaka, dan tiga orang guru TABIKA KEMAS dari Negeri Sembilan. Guru TABIKA KEMAS ini merupakan





guru yang mengajar kanak-kanak berumur lima hingga enam tahun dan telah berhidmat melebihi tiga tahun.

1.8.6 Kanak-Kanak

Kanak-kanak merupakan sebahagian daripada masyarakat yang amat penting, yang menjadi aset negara dan penyambung nadi pembangunan negara pada masa hadapan. Kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak- Kanak, 2001. Namun, dalam kajian ini kanak-kanak merujuk kepada kanak-kanak yang berumur lima hingga enam tahun yang sedang belajar di TABIKA KEMAS di sekitar

Zon Selatan.



1.8.7 TABIKA

Pendidikan prasekolah di Negara kita semakin pesat berkembang. Pelbagai institusi yang bersaing membina modul-modul pendidikan prasekolah dengan pelbagai acuan sama ada acuan pendidikan barat, pendidikan islam atau acuan pendidikan secara bersepadu. Antara istilah yang biasa digunakan di dalam pendidikan awal kanak-kanak iaitu Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA), Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA), Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA), prasekolah dan sebagainya. Umumnya mengetahui TABIKA, TASKA, dan prasekolah merupakan tempat belajar khusus untuk kanak-kanak. Namun adakah penggunaan istilah yang berbeza menjadi



konsepnya turut sama berbeza? Apa yang perlu difahami, berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), tadika merupakan mana-mana tempat yang menyediakan program pendidikan awal kanak-kanak bagi kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun. Ketiga-tiga istilah prasekolah, TADIKA, dan TABIKA membawa maksud yang sama kerana ketiga-tiganya menyediakan perhidmatan pendidikan awal kanak-kanak dengan matlamat yang sama (Yahya, Yaakob, Mohd Izham & Zuraidah, 2015). Di dalam kajian ini, TABIKA merujuk kepada kelima-lima Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) yang terdapat disekitar zon selatan dan dijadikan sebagai tempat untuk mengutip data kajian ini.

1.9 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan di dalam kajian ini. Antaranya adalah, hasil dapatan daripada kajian ini nanti tidak akan mewakili semua TADIKA yang terdapat di seluruh Malaysia. Hasil dapatan kajian ini hanya terbatas kepada guru TABIKA KEMAS yang terpilih yang terdapat di Zon Selatan iaitu negeri Melaka dan Negeri Sembilan.

Selain itu, kajian ini juga mungkin akan terbatas kepada faktor-faktor dalaman misalnya kesediaan responden untuk memberikan kerjasama dan kesediaan untuk ditemubual oleh pengkaji. Aspek-aspek tersebut secara tidak langsung turut mempengaruhi hasil dapatan kajian. Menyedari hakikat tersebut, sebelum menjalankan temubual pengkaji terlebih dahulu akan membina hubungan yang positif dengan responden. Hubungan yang baik dan positif di antara pengkaji dengan responden penting



untuk mewujudkan kepercayaan di antara satu sama lain dan turut mempengaruhi hasil dapatan kajian.

1.10 Kepentingan Kajian

Berdasarkan latar belakang, pernyataan masalah kajian dan objektif yang ingin dicapai, kajian ini sangat penting dijalankan. Antara kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk membantu guru untuk lebih memahami pelaksanaan PdP yang berpusatkan kanak-kanak supaya dapat mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna kepada kanak-kanak. Malahan kajian ini juga memberikan kepentingan kepada kanak-kanak itu sendiri selaras dengan matlamat dasar kanak-kanak negara yang bermatlamat untuk melahirkan individu yang sihat, cergas, berilmu, inovatif, kreatif, berjiwa diri, berdaya saing, progresif dan mempunyai nilai-nilai murni.

Malahan kajian ini juga akan memberi sumbangan kepada pihak tabika terutama guru TABIKA KEMAS di Zon Selatan yang akan terlibat di dalam kajian ini berkaitan dengan langkah yang perlu diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam proses PdP berpusatkan kanak-kanak. Selain itu, kajian ini juga dijadikan panduan dan rujukan kepada semua pendidik dan bakal-bakal pendidik bagi meningkatkan lagi ilmu pengetahuan mereka tentang PdP yang berpusatkan kanak-kanak.

Sementelahan itu, kajian ini juga akan memberi sumbangan kepada pengurusan terutamanya JKM dan KKLW sebagai penaung kepada program PAKK di TABIKA





KEMAS untuk memperbaiki kelemahan yang ada dalam kalangan guru TABIKA KEMAS dan meningkatkan lagi kualiti pengajaran guru TABIKA KEMAS dalam mengintegrasikan PdP berpusatkan kanak-kanak.

Selain itu, kajian ini juga akan memberi maklumat tambahan dan memberi manfaat kepada para pengkaji-pengkaji lain dalam bidang berkaitan untuk meneruskan kajian secara lebih terperinci. Di samping itu, ia juga membuka ruang kepada pelbagai pihak untuk membuat tindakan susulan dalam usaha mempertingkatkan lagi pengetahuan dalam kalangan guru TABIKA KEMAS untuk melaksanakan PdP berpusatkan kanak-kanak dari aspek pelaksanaan kaedah PdP, pendekatan PdP dan penggunaan ABM di dalam PdP berpusatkan kanak-kanak.

Akhir sekali, kajian ini juga penting dijalankan kerana ianya juga turut menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Dalam kajian ini, kaedah pengumpulan data adalah dengan menggunakan instrument temubual separa berstruktur. Oleh itu, ianya dapat memberikan pengetahuan dan panduan kepada pengkaji lain yang akan menggunakan penyelidikan berbentuk kualitatif.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, dalam bab satu ini telah merangkumi data dan maklumat seperti yang dikehendaki oleh pengkaji untuk menjalankan kajian. Kajian ini adalah penting untuk dijalankan supaya pihak yang berkepentingan khususnya JKM dan KKLW serta pejabat pengurusan KEMAS di Zon Selatan yang menjadi pengasas kepada program





pendidikan awal kanak-kanak di TABIKA KEMAS supaya dapat meningkatkan lagi pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PdP yang berpusatkan kepada kanak-kanak.

